

**PSP JALIN KERJASAMA DENGAN TOYOHASYI UNIVERSITI OF TEKNOLOGI JEPUN (TUT)**

**1.6.2015 Isnin : Politeknik Seberang Perai PSP telah mengorak langkah ke persada dunia apabila cuba menjalinkan perkongsian pintar bidang pendidikan teknikal peringkat internasional dengan Toyohashi University of Technology Tokyo Jepun (TUT) .**

**Seramai 5 orang delegasi TUT telah mengadakan lawatan kerja ke PSP pada 1.6.2015 isnin yang terdiri daripada Prof Dr Kozuki Masahiro ,Executive director of institute of national colleges of technology, japan, Dr Matsumoto Tsutomu**

**Vice director of the center for international exchange, National Institute of Technology, Japan, Miss Tomoko Furuhata Academic Affairs, National institute of technology, Japan**

**Prof Jun Kyokane Senior Director of global Education, TUT-Penang dan Angeline Ooi**

**Officer in Administrative, TUT-Penang.**

**Rombongan TUT telah disambut mesra oleh Pengarah PSP Mejar (K) Hj Zulkifli B Ariffin bersama semua ahli pengurusan tertinggi PSP . Seterusnya suatu sesi taklimat dan perbincangan telah diadakan di Bilik Persidangan PSP. Delegasi TUT telah diberikan taklimat mengenai pengajaran dan pembelajaran di PSP serta bidang-bidang teknologi serta pencapaian terkini termasuk kemajuan dan pembangunan PSP. Pihak TUT juga turut memberi taklimat balas mengenai sistem pembelajaran dan pengajaran mereka serta kemajuan teknologi yang terkini dan mengalukan-alukan perkongsian pintar yang relevan. Perbincangan juga menfokuskan kepada program pertukaran pelajar dan perkongsian teknologi serta jalinan kerjasama dua hala. Umumnya kedua pihak berminat untuk mendalami lebih lanjut peluang-peluang kerjasama yang berpotensi untuk diterokai.**

**Sebenar PSP dan TUT telah melihat potensi kerjasama antara dua pihak dan mengalu-alukan kerjasama yang bersesuaian bersama. Pihak PSP juga bersedia menjalinkan kerjasama pintar multilateral dengan TUT dari aspek pemindahan teknologi dan kepakaran dan pertukaran pelajar , pensyarah dan pengalaman**

**Selanjutnya delegasi TUT telah dibawa melawat ke bengkel-bengkel dan bilik kuliah PSP serta mendengar taklimat dari pensyarah terlibat.**

**Mereka juga berpeluang melihat kemudahan pengajaran dan pembelajaran serta melihat , peralatan teknologi dan hasil produk pelajar dan pensyarah merangkumi projek-projek inovasi,robotic,usahawan dan pusat-pusat kecemerlangan akedemik.**

**Menurut Dr Haji Rahim Othman selaku Ketua Pusat Kolaborasi Industri(CISEC) PSP hubungan ini akan membuka lembaran baharu dalam bidang Pendidikan Vokasional dan Teknikal politeknik peringkat antara bangsa kerana ramai pelajar PSP akan berpeluang mendalami teknologi moden dari jepun walaupun tidak pergi ke jepun kerana pensyarah TUT yang berpengalaman akan menjadi pensyarah pelawat di PSP dan menjadikan graduan PSP lebih berkeyakinan dan laris di pasaran.**